



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa di kalangan syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang berkaitan untuk menyertai sebut harga seperti berikut:

NOMBOR SEBUT HARGA	TAJUK	KOD BIDANG
05/2025	Perkhidmatan Mengkaji, Mereka Bentuk, Membangun, Mengintegrasikan, Mengkonfigurasi, Menguji Dan Mentauliah Pembangunan Sistem Geobencana Negeri Perak	210103, 210104, 210110

2. Untuk makluman, tuan/puan boleh mendapatkan iklan sebut harga berkenaan melalui Laman Web Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak di alamat <http://www.perak.gov.my> dan <https://www.perakgis.my>.

3. Dokumen sebut harga ini adalah PERCUMA dan boleh dimuat turun bermula pada **9 Mei 2025** melalui emel yang akan dihantar kepada syarikat yang telah memuat naik **cop digital syarikat, sijil berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia** ke emel perakgis@perak.gov.my.

4. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri ditulis '**SEBUT HARGA PSUK.PK.(UPEN) 05/2025**' pada sudut atas sebelah kiri sampul, dialamatkan kepada Pengarah, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Aras 1, Bangunan Perak Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak.

5. Sampul sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang disediakan di kaunter **Unit PerakGIS, Tingkat 13, Bangunan PTTC, Off Jalan Jelapang, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak** pada atau sebelum **23 Mei 2025 (Jumaat)** tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari. Pentadbiran ini tidak bertanggungjawab terhadap sebut harga yang lewat atau hilang jika dihantar melalui pos.

6. Sebarang tawaran yang berbentuk rasuah atau lain-lain dorongan yang boleh mempengaruhi kedudukan Jawatankuasa Sebut Harga akan menyebabkan sebut harga tersebut dibatalkan serta-merta. Pihak Kerajaan tidak terikat kepada mana-mana tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran sekalipun. Sebut harga yang

tidak memenuhi syarat-syarat di perenggan 3, 4 dan 5 akan ditolak. Keputusan Kerajaan adalah muktamad.

7. Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.



(HALIZAH BINTI SIPUN)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (P) / Pengarah
Unit Perancang Ekonomi Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan.

Tarikh:

9/5/25